



SIARAN MEDIA

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA CYBERSECURITY MALAYSIA DAN SATISGUARD MALAYSIA ZAHIRKAN KERJASAMA BAGI MEMPERKUKUH KESELAMATAN SIBER DI MALAYSIA

CYBERJAYA, 14 Disember 2023 –CyberSecurity Malaysia dan SatisGuard Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan komitmen dalam usaha meningkatkan dan menambah baik landskap keselamatan siber di Malaysia. Kerjasama strategik ini membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama secara efektif, terutamanya dalam bidang *quantum-safe cryptography/post-quantum cryptography (PQC)* dan keselamatan siber. Kerjasama ini juga dijangka memberi sumbangan yang signifikan kepada senario ancaman siber yang kini semakin dinamik seiring penyediaan pelbagai penyelesaian dan perkhidmatan komprehensif.

Memorandum ini ditandatangani oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, dan Encik Wayne Wang, Ketua Pegawai Eksekutif SatisGuard Malaysia dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi.

Dalam kenyataannya, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa, berkata, "Dalam era kemajuan teknologi yang luar biasa ini, keperluan bagi menjaga keselamatan siber yang kukuh tidak boleh diabaikan. Hari ini, merupakan perjalanan yang bukan sekadar perjanjian, malah ia adalah ikrar bersama untuk melindungi landskap digital Malaysia daripada ancaman siber yang semakin berkembang seiring usaha memastikan keteguhan negara bagi menghadapi cabaran semasa. MoU ini turut melambangkan kerjasama, penyelarasan strategik dengan aspirasi Kementerian untuk memastikan keselamatan ekosistem digital di Malaysia."

Sementara itu, Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia berkata "Keselamatan siber bukan sekadar *buzzword*, tetapi ia adalah aspek penting dalam keberadaan digital kita. Seiring dengan kemajuan teknologi yang

pesat, ancaman siber kini semakin canggih dan berterusan. Ancaman yang mungkin timbul daripada komputer *quantum* boleh merosakkan keselamatan sistem *cryptography*, membuatkan ekosistem digital menjadi mudah diserang. Oleh itu, tindakan segera penting dan CyberSecurity Malaysia bersedia untuk memainkan peranan penting dengan menyediakan panduan dan sokongan kritikal demi memajukan inisiatif keselamatan siber di Malaysia. Dalam hal ini, SatisGuard Malaysia, yang dikenali sebagai syarikat keselamatan siber terkemuka akan memanfaatkan kepakarannya untuk menyediakan penyelesaian holistik yang bertujuan mengatasi dan mengurangkan ancaman siber."

SatisGuard dan *Chelpis Quantum Safe Migration Center* di Taiwan akan menggunakan pengalaman mereka dengan menganjurkan Bengkel *Quantum Safe Migration* untuk pemain industri di Malaysia. Ketua Pegawai Eksekutif SatisGuard Malaysia, Encik Wayne Wang, berkata: "Bengkel ini akan membentuk satu platform bagi pertukaran pengetahuan mengenai trend dan alatan PQC, menilai tahap ketahanan kuantum terhadap persekitaran semasa, serta merancang pemindahan yang praktikal bagi memperkukuh keupayaan pertahanan siber. Hasil daripada bengkel ini akan menjadi amalan serta rujukan bagi industri lain yang ingin menilai strategi *quantum-safe* mereka, sekaligus memperkukuhkan lagi infrastruktur rangkaian di seluruh negara untuk menghadapi serangan kuantum yang akan datang."

Tujuan utama MoU ini adalah untuk membina kerjasama dalam bidang keselamatan siber dan *post-quantum cryptography (PQC)*, yang juga dikenali sebagai *quantum-safe cryptography*. Skop kerjasama merangkumi usaha kolaboratif dalam penyelidikan dan pembangunan, projek bersama *Chelpis Quantum Safe Migration Center* di Taiwan, program peningkatan kapasiti, serta proses pensijilan bagi pengesahan dan validasi PQC.

Hasil kerjasama dijangka merangkumi kemajuan dalam aspek *quantum-safe cryptography*, projek penyelidikan bersama, penyelesaian PQC dan keselamatan siber, peningkatan pengetahuan dan kebolehan melalui inisiatif pembangunan kapasiti, serta penciptaan standard pensijilan pengesahan dan validasi PQC di Malaysia. Dalam tempoh lima tahun, kerjasama ini akan memberi peluang kepada kedua-dua organisasi untuk mencapai matlamat dan penanda aras yang ditetapkan.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia